Psons Limited & lain-lain lwn Chin Teck Kuan & lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO 22NCC-121–04 TAHUN 2014
HAS ZANAH MEHAT H
12 NOVEMBER 2014

Prosedur Sivil — Injunksi — Injunksi ex parte — Pengenepian injunksi mareva ex parte — Sama ada terdapat kegagalan mendedahkan fakta-fakta penting yang boleh memberi kesan kepada keputusan mahkamah — Sama ada injunksi mareva ex parte diberikan secara salah — Sama ada defendan berhak mendapat ganti rugi

Prosedur Sivil — Injunksi — Injunksi ex parte — Permohonan untuk injunksi mareva secara ex parte — Sama ada keadilan menyokong pemberian injunksi mareva secara ex parte

Prosedur Sivil — Injunksi — Injunksi mareva — Prinsip-prinsip terpakai — Ujian yang perlu dipertimbangkan dalam membenarkan injunksi mareva — Sama ada terdapat kes yang baik dan kukuh — Sama ada perbuatan defendan yang tidak jujur memungkinkannya melupuskan aset-aset sebelum plaintif memperolehi penghakiman — Sama ada status quo perlu dikekalkan

Plaintif-plaintif berhujah bahawa berdasarkan representasi dan jaminan D1, P3 telah didorong memasukki satu perjanjian dengan JunNing International Resources Sdn Bhd ('JIRSB') dan D4 untuk membeli 30,000 tan metrik bijih besi FE 55 ('kontrak FE 55-1'). Kontrak FE 55-1 kemudian dipinda kepada kontrak FE 55-2. Bayaran pendahuluan USD526,500 telah didepositkan ke akaun D4. Lebih kurang masa yang sama D4 telah mengeluarkan cek-cek yang telah ditandatangani oleh D2 dan D3 untuk jumlah RM1,669,005 atas nama P4 sebagai agen P1, P2 dan P3 sebagai sekuriti. Defendan-defendan telah gagal melaksanakan kewajipan di bawah kontrak-kontrak kerana gagal menghantar serah dalam tempoh yang dipersetujui. Walaupun tempoh kontrak tersebut telah dilanjutkan, defendan-defendan masih gagal membuat pembekalan. P4 kemudiannya telah mengemukakan cek- cek sekuriti tersebut untuk bayaran tetapi tidak dapat ditunaikan. Plaintif dan defendan kemudiannya bersetuju kepada cara penghantaran baru dan D4 telah mengeluarkan cek sekuriti yang baru. Apabila defendan-defendan gagal melaksanakan kewajipan mereka sekali lagi, plaintif telah mengeluarkan notis tuntutan dan menuntut RM2,877,238 jumlah yang terkandung dalam cek sekuriti baru tersebut. Sehingga tindakan terhadap defendan-defendan difailkan hanya 9,100 tan metrik FE-52 sahaja

telah dibekalkan. Bagi menghalang defendan-defendan daripada melupuskan aset-aset sebelum penghakiman untuk mengelak daripada menyelesaikan penghakiman, plaintif telah memohon injunksi mareva terhadap defendan-defendan. Defendan-defendan telah memohon untuk mengenepikan perintah injunksi mareva ex parte dan menuntut ganti rugi ditaksirkan atas alasan perintah ex parte tersebut tidak patut diberikan kerana plaintif telah tidak mendedahkan fakta yang benar kepada mahkamah semasa permohonan dibuat.

Diputuskan, membenarkan permohonan plaintif-plaintif dengan kos dalam kausa dan menolak permohonan defendan-defendan dengan kos dalam kausa:

(1) Adalah undang-undang mantap seperti yang diputuskan dalam kes mareva *Compania Naveira SA v International Bulk Carriers SA ('The mareva)* [1980] 1 All ER 213]; *Zainal Abidin bin Haji Abdul Rahman v Century Hotel Sdn Bhd* [1982] 1 MLJ; *Pacific Centre Sdn Bhd v United Engineers Berhad* [1984] 2 MLJ 143; *Creative Furnishing Bhd v Wong Koi* [1989] 2MLJ 153 bahawa plaintif hendaklah memenuhi tiga ujian yang perlu dipertimbangkan sebelum mahkamah membenarkan injunksi mareva iaitu: (a) plaintif mesti mempunyai 'good and arguable case' terhadap defendan; (b) terdapat keterangan jelas bahawa defendan mempunyai aset dalam bidang kuasa mahkamah; dan (c) plaintif hendaklah menunjukkan dengan bukti yang jelas bahawa defendan berkemungkinan melupuskan aset-asetnya sebelum penghakiman mahkamah. Dalam kes *Tsoi Ping Kwan v Loh Lai Ngoh & Anor* [1997] 3 MLJ 165, Mahkamah Rayuan menyatakan disamping tiga ujian yang perlu dipertimbangkan seperti di atas mahkamah juga perlu menimbangkan seperti dalam relif injunksi biasa iaitu sama ada keadilan menyokong pemberian mareva atau penolakannya (lihat perenggan 13–14).

(2) D1 telah memberikan representasi palsu yang seterusnya menyebabkan plaintif-plaintif bertindak atas representasi-representasi tersebut. D1 juga berkonspirasi dengan defendan-defendan lain iaitu D2 dan D3 yang merupakan pengarah-pengarah dan pemegang saham D4 dan D5 apabila mereka bersetuju untuk membekalkan ketulan bijih-bijih besi tersebut dengan memasukki perjanjian-perjanjian dengan P3 walaupun sebenarnya mereka tidak mempunyai kawalan dan pemilikkan terhadap bijih-bijih besi yang dijanjikan tersebut. D4 dan D5 mengingkari jaminan dan liabiliti di bawah Bills of Exchange Act 1949 atas keingkaran D4 dan D5 untuk menjelaskan cek sekuriti apabila dikemukakan untuk bayaran. Cek sekuriti telah tidak dapat ditunaikan atau ditolak apabila dikemukakan kepada bank untuk penjelasan dengan catitan 'refer to drawer'. Plaintif-plaintif mempunyai kes yang baik dan kukuh (good and arguable case) terhadap defendan-defendan (lihat perenggan 17 & 20).

(3) Perbuatan D1, D2, D3, D4 dan D5 adalah tidak jujur (*lack of probity*) dan dengan itu boleh memungkinkan mereka boleh melupuskan aset-aset mereka sebelum plaintif memperolehi penghakiman (lihat perenggan 24).

(4) Tuntutan plaintif adalah melibatkan sejumlah yang agak besar iaitu sebanyak RM4,340,124.80. Defendan-defendan boleh mengelak daripada membayar plaintif sekiranya plaintif memperolehi penghakiman dengan memindahkan aset-aset kepada pihak ketiga sebelum tuntutan plaintif diselesaikan. Bagi mengelakkan perkara ini injunksi mareva adalah diperlukan untuk mengekalkan status quo aset defendan-defendan (lihat perenggan 25)

(5) Berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan di atas, keadilan adalah menyokong untuk membenarkan injunksi mareva kepada plaintif-plaintif. Plaintif-plaintif telah memenuhi syarat-syarat untuk memperoleh perintah injunksi mareva ex parte (lihat perenggan 26–27).

(6) Injunksi mareva ex parte yang telah diberikan tidak diberi secara salah. Oleh itu defendan-defendan tidak berhak untuk mendapat apa-apa perintah mengenai ganti rugi. Perkara-perkara yang dinyatakan oleh D1 sebagai tidak didedahkan oleh plaintif-plaintif, jika didedahkan sekalipun tidak memberi kesan kepada keputusan mahkamah untuk membenarkan injunksi mareva (lihat perenggan 30 & 32).

[English summary

The plaintiff submitted that based on the representations and guarantee by D1, P3 was induced to enter into an agreement with JunNing International Resources Sdn Bhd ('JIRSB') and D4 to purchase 30,000 tonne metric of iron ore FE 55 ('the FE 55-1 contract'). The FE 55-1 contract was then amended to contract FE 55-2. The payment deposit of USD526,500 was deposited into D4's account. Around the same time, D4 issued cheques signed by D2 and D3 in the amount of RM1,669,005 under the name of P4 as agents of P1, P2 and P3 as security. The defendants failed to carry out their obligations under the contracts due to their failure to deliver within the stipulated period. Even though the period of the contract was extended, the defendants failed to make delivery. P4 then adduced security cheques for payment but they could not be cashed. The plaintiff and the defendant then agreed to a new delivery method and D$ issued new a security cheque. When the defendants failed to carry out their obligations again, the plaintiff issued a notice of claim and claim for RM2,877,238, being the amount imprinted on the said new security cheque. Until the filing of the defendants' action, only 9,100 tonne metric FE-52 was supplied. To stop the defendants from disposing the assets before the judgment to avoid settlement judgment, the plaintiff applied for the mareva injuction against the defendants. The defendants applied to set aside the mareva injunction ex parte and claimed for damages to be assessed on the ground that

the ex parte order should not have been granted as the plaintiff did not divulge the true facts to the court when the application was made.

Held, allowing the plaintiff's action with costs in cause and dismissing the defendant's application with costs in cause:

(1) It is trite law as decided in the cases of mareva *Compania Naveira SA v International Bulk Carriers SA ('The mareva')* [1980] 1 All ER 213]; *Zainal Abidin bin Haji Abdul Rahman v Century Hotel Sdn Bhd* [1982] 1 MLJ; *Pacific Centre Sdn Bhd v United Engineers Berhad* [1984] 2 MLJ 143; *Creative Furnishing Bhd v Wong Koi* [1989] 2MLJ 153 that the plaintiff must satisfy three test which must be considered before the court could grant a mareva injunction, namely: the plaintiff must have a 'good arguable case' against the defendant; there must be clear evidence that the defendant had assets with the jurisdiction of the court; and the plaintiff must adduce a clear evidence that there was a possibility that the defendant would dispose the assets before the judgment of the court. In the case of *Tsoi Ping Kwan v Loh Lai Ngoh & Anor* [1997] 3 MLJ 165, the Court of Appeal held that aside from the three tests that must be considered as the above, the court must also consider, as in the normal injunction relief, whether justice would be served by the granting of the mareva or the dismissal (see paras 13–14).

(2) D1 had given a false representation which subsequently cause the plaintiffs to act based on the representation. D1 also conspired with the other defendants, namely D2 and D3 who were directors and D4 and D5 who were shareholders when they agreed to supply the iron ore by entering into agreements with P3 even though they had no control and ownership over the promised iron ore. D4 and D5 breached the guarantee and liability under the Bills of Exchange Act 1949 upon the failure to explain about the security cheque when it was adduced for payment. The said security cheque could not be cashed or rejected when adduced to the bank for explanation with the note 'refer to drawer'. The plaintiffs had a food and arguable case against the defendants (see paras 17 & 20).

(3) The acts of D1, D2, D3, D4 and D5 lacked probity and hence, that made it possible for them to dispose their assets before the plaintiff could obtain judgment (see para 24).

(4) The plaintiff's claim involved an amount which was considerably big, to wit RM4,340,124.80. The defendants could evade from paying the plaintiff if the plaintiff obtain judgment by transferring the assets to a third part before the settlement of the plaintiff's claim. To avoid this the mareva injuction was required to maintain the status quo of the defendants' assets (see para 25).

(5) Based on the evidence adduced above, justice was in favour of granting the mareva injunction to the plaintiffs. The plaintiffs had satisfied the conditions to obtain an ex parte order of mareva injunction (see paras 26–27)

(6) The ex parte mareva injunction was not erroneously granted. Hence, the defendants did not have any rights to obtain any order on damages. The matters disclosed in D1 were disregarded by the plaintiffs; even if disclosed, did not affect the decision of the court to allow the mareva injunction (see paras 30 & 32).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai injuksi ex parte, lihat 2 *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 3827–3909.

Untuk kes-kes mengenai injuksi mareva, lihat 2 *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 4439–4529.

Kes-kes yang dirujuk

Aspatra Sdn Bhd & 21 Ors v Bank Bumiputra Malaysia Bhd & Anor [1988] 1 MLJ 97; [1987] CLJ (Rep) 50; [1987] 2 CLJ 377, MA (dirujuk)

Biasamas Sdn Bhd & Ors v Kan Yang Heng & Anor [1998] 4 MLJ 1; [1998] 4 CLJ 754, MR (dirujuk)

Creative Furnishing Sdn Bhd v Wong Koi [1989] 2 MLJ 153, MA (dirujuk)

Kepong Industrial Park Sdn Bhd & Ors v Teoh Seng Aun & Ors [1999] 5 MLJ 688 ; [1999] 4CLJ 726, MT (dirujuk)

Ninemia Maritime Corporation v Trave Schiffahrtsgesellschaft m.b.H. UND CO. K.G [1984] 1 All ER 398, MR (dirujuk)

Pacific Centre Sdn Bhd v United Engineers (Malaysia) Bhd [1984] 2 MLJ 143; [1984] 2 CLJ (Rep) 319 (dirujuk)

RIH Services (M) Sdn Bhd v Tanjung Tuan Hotel Sdn Bhd [2002] 3 MLJ 1; [2002] 3 CLJ 83, MR (dirujuk)

S & F International Ltd v Trans Co Engineering Sdn Bhd [1985] 1 MLJ 62; [1985] CLJ (Repo) 280, MP (dirujuk)

Mareva Compania Naveira SA v International Bulkcarriers SA; The Mareva [1980] 1 All ER 213, MR (diikut)

Tsoi Ping Kwan v Loh Lai Ngoh & Anor [1997] 3 MLJ 165; [1997] 3 CLJ 552, MR (dirujuk)

Zainal Abidin bin Haji Abdul Rahman v Century Hotel Sdn Bhd [1982] 1 MLJ 40; [1982] 1 MLJ 260 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 25

Bills of Exchange Act 1949

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 29 k 1(2), A 92 k(4)

Prakash Lachimanan (Christine Frances bersamanya) (Mathews Hun Lachimanan) bagi pihak plaintif.
Nor Suhaina Sulaiman (Aaron Boo bersamanya) (Chew Kar Meng, Zahardin & Partners) bagi pihak defendan pertama.
John Skelchy (James Khong dan Vishal Kumar bersamanya) (James Monteiro) bagi pihak defendan kedua hingga kelima.

Has Zanah Mehat H:

PENGENALAN

[1] Plaintif pertama (P1) adalah syarikat yang diperbadankan di Hong Kong yang merupakan syarikat perusahaan perlombongan antarabangsa dan menjalankan perniagaan keluli iaitu bijih besi, krom, arang dan mangan. Manakala plaintif kedua (P2) syarikat yang ditubuhkan di Switzerland dan plaintif ketiga (P3) adalah syarikat yang ditubuhkan di Dubai. P2 dan P3 adalah subsidiari dan syarikat bersekutu P1. Plaintif keempat (P4) adalah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan adalah agen yang dilantik oleh P1, P2 dan P3 untuk berurusan dalam pembelian bijih besi daripada P4 dan P5.

[2] Defendan pertama yang juga dikenali sebagai Glenn Chin seorang warganegara Malaysia (D1) memperkenalkan dirinya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif JunNing International Resources Sdn Bhd ('JIRSB'). Defendan kedua yang juga dikenali sebagai Keith Lee (D2) dan defendan ketiga yang juga dikenali sebagai Adam Ng (D3) adalah individu warganegara Malaysia yang merupakan pengarah-pengarah dan pemegang saham dalam defendan keempat (D4). D2 bersama Chong Mei Chan adalah pengarah-pengarah dan pemegang saham defendan kelima (D5). D4 dan D5 adalah syarikat-syarikat yang ditubuhkan di Malaysia. D1 melalui D2 dan D3 telah meminta D4 dan D5 membekalkan ketulan bijih besi bagi memenuhi kontrak dengan plaintif.

[3] Plaintif-plaintif telah memfailkan permohonan untuk:

(a) injunksi mareva (lampiran 3) terhadap D1, D2, D3, D4 dan D5 (defendan-defendan) bagi menahan atau menghalang defendan-defendan daripada melupuskan aset-aset mereka setakat nilai sebanyak RM4,340,124.80 sehingga pelupusan tindakan yang difailkan di sini;

(b) defendan-defendan membuat pendedahan yang lengkap dan jujur dan akuan yang benar berkenaan status akaun-akaunnya berkenaan wang yang telah didepositkan oleh plaintif-plaintif dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penyampaian perintah ini kepada defendan-defendan dalam bentuk afidavit yang telah diikrarkan;

(c) bahawa untuk menjamin pematuhan perintah, setiap satu defendan-defendan patut memaklumkan kepada plaintif-plaintif dalam bentuk bertulis dalam 48 jam selepas penyampaian perintah, berkenaan:

(i) kesemua aset-aset defendan-defendan sama ada di dalam atau di luar bidang kuasa sama ada dimilik secara sah atau benefisial oleh mereka dan sama ada dalam nama mereka sendiri atau secara bersesama, memberikan nilai, lokasi dan butir-butir semua aset tersebut, nama dan alamat semua individu termasuk institusi kewangan yang memegang aset-aset tersebut; dan

(ii) nama-nama dan nombor-nombor untuk dihubungi untuk semua bank atau institusi kewangan yang memegang aset-aset bersama-sama dengan nama-nama dan alamat-alamat di mana mana-mana satu atau semua akaun defendan-defendan memberikan butir-butir berkenaan dengan nombor akaun, nama pemegang akaun dan jumlah di dalam akaun tersebut.

(d) bahawa informasi yang dirujuk di dalam perenggan di atas dimaklumkan secara sah di dalam afidavit yang diikrarkan oleh defendan-defendan atau wakilnya, yang patut disampaikan kepada peguam cara plaintif-plaintif dalam tempoh empat hari dari tarikh perintah diserahkan kepada defendan-defendan;

(e) bahawa mahkamah ini menetapkan satu tarikh untuk pendengaran inter partes permohonan ini sebelum luput 14 hari dari tarikh perintah diberikan di sini;

(f) bahawa pihak-pihak diberikan kebebasan untuk memohon; dan

(g) bahawa kos-kos dan kos sampingan kepada permohonan ini dibayar oleh defendan.

[4] Mahkamah ini setelah mendengar permohonan ex parte berdasarkan *certificate of urgency* telah membenarkan permohonan ex parte tersebut dan kemudiannya menetapkan permohonan secara inter partes dibawah A 29 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

[5] D1 telah memfailkan permohonan dalam tempoh 21 hari selepas perintah injunksi ex parte diberikan untuk mengenepikan injunksi ex parte dan taksiran ganti rugi dalam lampiran 27 dan D2 hingga D5 juga memfailkan permohonan yang sama dalam lampiran 23. Mahkamah telah mendengar permohonan secara inter partes dan meminta peguam berhujah mengenai lampiran 23 dan 27 dalam prosiding yang sama. Di akhir prosiding inter partes mahkamah telah membenarkan permohonan injunksi mareva terhadap kelima-lima defendan dan menolak permohonan dalam lampiran 23 dan 27 untuk mengenepikan injunksi ex parte.

LATAR BELAKANG DAN FAKTA

[6] Plaintif-plaintif mendeposkan dalam afidavit bahawa berdasarkan representasi oleh D1 pada sekitar Mac dan April 2013 kepada agen perkapalan P1 hingga P3 seperti berikut:

(a) bahawa beliau adalah prinsipal JunNing International Resources Sdn Bhd ('JIRSB');

(b) bahawa JIRSB adalah sebahagian daripada JunNing Group Malaysia dan beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan untuk Kumpulan JunNing Malaysia;

(c) bahawa beliau boleh mendapatkan dan membekalkan ketulan bijih besi FE 55 untuk plaintif pertama;

(d) bahawa Keith Lee (D2) adalah rakan kongsi perniagaannya; dan

(e) bahawa dia mempunyai simpanan 16,000 ton metrik FE 55 di Kuantan, Pahang yang boleh dihantar serta merta dan JIRSB adalah secara sah berhak dan/atau mempunyai kuasa untuk menjual dan memindah pemilikan simpanan FE 55 tersebut dan JIRSB adalah berhak dan mempunyai kuasa untuk menerima bayaran.

(f) dia boleh mendapatkan dan membekalkan ketulan bijih besi FE 52 untuk P2 dan bahawa dia mempunyai simpanan stok sebanyak 25,000 tan metrik FE 52 yang sedia ada dan boleh dihantar dengan serta-merta dan JIRSB dan D5 adalah secara sah berhak dan/atau berkuasa untuk menjual dan memindah milikan FE 52 dan D5 defendan adalah berhak dan berkuasa untuk menerima bayaran.

[7] P3 didorong oleh dan bertindak atas representasi-representasi dan jaminan-jaminan D1 seperti yang dinyatakan di atas, P3 telah memasuki perjanjian bertarikh 18 Julai 2013 dengan JIRSB dan D4 untuk membeli 30,000 tan metrik FE 55 dan bayaran melalui surat kredit ('kontrak FE 55–1'). Kontrak FE 55–1 kemudian dipinda kepada kontrak FE 55–2 apabila bayaran melalui surat kredit tidak diteruskan. Bayaran pendahuluan USD 526,500, telah didepositkan ke akaun D4. Lebih kurang masa yang sama D4 telah mengeluarkan cek CIMB No 234324 bertarikh 8 Ogos 2013 yang telah ditandatangani oleh D2 dan D3 untuk jumlah RM1,669,005 (cek sekuriti FE 55) atas nama P4 sebagai agen P1, P2 dan P3.

[8] Berdasarkan representasi di atas juga bagi gred FE 52, kontrak FE 52-1 telah dimasuki untuk D5 menjual kepada P2, 25,000 tan metrik. Berdasarkan terma kontrak FE 52–1 dan invois No AMSB/INV/PSONS/13/001 bertarikh 28 Julai 2013 yang ditandatangani D1 dan dikeluarkan oleh D5 (invois D5), P1 telah meremitkan sejumlah USD371,250 kepada akaun D5 pada 12

August 2013. Pada masa yang sama D5 mengeluarkan cek PBB No 283540 bertarikh 26 Ogos 2013 untuk jumlah RM1,208,233 (cek sekuriti 52) untuk dibayar kepada P4 sebagai agen P1 hingga P3.

[9] Defendan-defendan telah gagal melaksanakan kewajipan di bawah kontrak-kontrak kerana gagal menghantar serah dalam tempoh yang dipersetujui dan kemudian telah dilanjutkan melalui adendum 1 dan 2 kepada kontrak FE 55–2. Begitu juga dengan F 52–1 telah dilanjutkan tempoh melalui adendum 1 kepada kontrak FE52–1.

[10] Defendan-defendan masih gagal membuat pembekalan dan P4 kemudiannya telah mengemukakan kedua-dua cek sekuriti FE 55 dan FE 52 untuk bayaran tetapi tidak dapat ditunaikan. Plaintif dan defendan kemudiannya bersetuju melalui adendum 2 kepada kontrak FE 52 cara penghantaran baru dan D4 mengeluarkan cek sekuriti yang baru sebanyak RM2,877,238 (cek sekuriti baru) atas nama P4 sebagai agen kepada P1 dan P3. Apabila defendan-defendan gagal melaksanakan kewajipan di bawah FE 52 adendum 2 plaintif melalui peguam telah mengeluarkan notis tuntutan dan menuntut RM2,877,238 jumlah yang terkandung dalam cek sekuriti baru tersebut. Sehingga tindakan terhadap defendan-defendan difailkan hanya 9,100 tan metrik FE–52 sahaja telah dibekalkan. Bagi menghalang defendan-defendan daripada melupuskan aset-aset sebelum penghakiman untuk mengelak daripada menyelesaikan penghakiman, plaintif telah memohon injunksi mareva.

[11] Tuntutan plaintif-plaintif terhadap defendan-defendan berdasarkan kausa tindakan:

(a) salah nyata fraud (fraudulent misrepresentation);

(b) konspirasi oleh defendan-defendan menyebabkan plaintif-plaintif mengalami kerugian dan defendan-defendan telah memperkayakan diri secara salah;

(c) secara alternatif, kerugian jaminan; dan

(d) secara alternatif dibawah Bills of Exchange Act 1949 kerana kegagalan menjelaskan cek sekuriti apabila dikemukakan untuk bayaran.

ALASAN PERMOHONAN

[12] Plaintif-plaintif menyatakan berdasarkan fakta-fakta yang dinyatakan di dalam afidavit sokongan plaintif-plaintif bagi permohonan plaintif-plaintif untuk injunksi mareva, plaintif-plaintif telah memenuhi prinsip di mana injunksi mareva boleh dibenarkan iaitu:

(a) mempunyai suatu kes yang baik untuk dihujahkan (good arguable case) terhadap defendan-defendan;

(b) defendan-defendan mempunyai aset dalam bidang kuasa; dan

(c) terdapat risiko aset defendan-defendan mungkin dilupuskan sebelum penghakiman.

UNDANG-UNDANG

[13] Adalah undang-undang mantap seperti yang diputuskan dalam kes *Mareva Compania Naveira SA v International Bulk Carriers SA ('The Mareva')* [1980] 1 All ER 213 ; *Zainal Abidin bin Haji Abdul Rahman v Century Hotel Sdn Bhd* [1982] 1 MLJ 40; [1982] 1 MLJ 260; *Pacific Centre Sdn Bhd v United Engineers (Malaysia) Bhd* [1984] 2 MLJ 143; [1984] 2 CLJ (Rep) 319 ; *Creative Furnishing Sdn Bhd v Wong Koi* [1989] 2 MLJ 153 bahawa plaintif hendaklah memenuhi tiga ujian yang perlu dipertimbangkan sebelum mahkamah membenarkan injunksi mareva iaitu:

(a) plaintif mesti mempunyai 'good and arguable case' terhadap defendan;

(b) terdapat keterangan jelas bahawa defendan mempunyai aset dalam bidang kuasa mahkamah; dan

(c) plaintif hendaklah menunjukkan dengan bukti yang jelas bahawa defendan berkemungkinan melupuskan aset-asetnya sebelum penghakiman mahkamah.

[14] Dalam kes *Tsoi Ping Kwan v Loh Lai Ngoh & Anor* [1997] 3 MLJ 165; [1997] 3 CLJ 552, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman mahkamah oleh Sri Ram HMR (beliau pada masa itu) menyatakan disamping tiga ujian yang perlu dipertimbangkan seperti di atas mahkamah juga perlu menimbangkan seperti dalam relif injunksi biasa iaitu sama ada keadilan menyokong pemberian mareva atau penolakannya.

[15] Dalam penghakiman Mahkamah Persekutuan melalui Abdoolcader HMP (beliau pada masa itu) dalam *S & F International Ltd v Trans Co Engineering Sdn Bhd* [1985] 1 MLJ 62; [1985] CLJ (Rep) 280 menerima pakai pernyataan Mustill J dalam *Ninemia Maritime Corporation v Trave Schiffahrtsgesellschaft m.b.H. UND CO. K.G* [1984] 1 All ER 398 yang dipetik dalam bahasa asalnya di ms 283 seperti berikut:

> (1) before a mareva injunction will be granted, a plaintiff must show first that he has a good arguable case, which is more than being barely capable of serious argument, but not necessarily one that the judge believes has got more than a fifty per cent chance of success, (2) Before such relief is granted the plaintiff must secondly show that there is a risk that assets will be dissipated: he must demonstrate this by solid evidence, eg, that the defendant's previous actions show his probity is not to be

relied upon or that the corporate structure of the defendant infers that it is no to be relied upon, but mere proof that the defendant is incorporated abroad will not suffice: (3) in reaching its conclusion, the court should take into account the defendant's evidence as well as the plaintiff's. The English Court of Appeal in dismissing an appeal by the plaintiffs in that case [1983] 1 WLR 1412; [1984] 1 All ER (at p 413) restated the principles of mareva applications and held that the jurisdiction to grant mareva injunctions was exercisable in cases where it appeared just and convenient to the court to grant the injunction, and the plaintiff had, inter alia, to show, on the evidence as a whole, that there was at least a good arguable case that he would succeed at the trial, and that a refusal of an injunction would involve a real risk that a judgment or award in his favour would remain unsatisfied because of the defendant's removal of assets from the jurisdiction or dissipation of assets within the jurisdiction.

KEPUTUSAN

[16] Semasa menimbang permohonan ex parte (lampiran 3) untuk injunksi mareva mahkamah ini hanya perlu pada peringkat ini bergantung kepada afidavit sokongan yang difailkan oleh pemohon-pemohon iaitu plaintif-plaintif di sini dan prinsip undang-undang yang berkaitan dengannya tanpa perlu terlebih dahulu menimbangkan merit tuntutan plaintif dalam pliding yang difailkan. Setelah menimbangkan fakta-fakta yang dinyatakan dalam afidavit sokongan tersebut dan alasan yang menyokong permohonan dalam notis permohonan dan sijil segera yang difailkan, mahkamah ini telah mendengar permohonan secara ex parte di bawah A 29 k 1(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, berdasarkan peruntukkan mengenai bidang kuasa mahkamah di bawah s 25 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91) dan perenggan 6 Jadual kepada Akta 91, bidang kuasa semulajadi mahkamah di bawah A 92 k (4) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 serta nas-nas yang telah diputuskan sebelum ini seperti yang disenaraikan di atas.

(a) *Sama ada plaintif mempunyai 'good and arguable case' terhadap defendan*;

[17] Saya berpendapat terdapat keterangan mencukupi dan bahawa plaintif-plaintif mempunyai kes yang baik untuk dihujahkan terhadap defendan-defendan. Berdasarkan fakta melalui afidavit, plaintif-plaintif telah mengemukakan keterangan bahawa D1 telah memberikan representasi palsu yang seterusnya menyebabkan plaintif-plaintif bertindak atas representasi-representasi tersebut, D1 juga berkonspirasi dengan defendan-defendan lain iaitu D2 dan D3 yang merupakan pengarah-pengarah dan pemegang saham D4 dan D5 apabila mereka bersetuju untuk membekalkan ketulan bijih-bijih besi tersebut dengan memasuki perjanjian-perjanjian dengan P3 walaupun sebenarnya mereka tidak mempunyai kawalan dan pemilikkan terhadap bijih-bijih besi yang dijanjikan tersebut. D4 dan D5 mengingkari jaminan dan liabiliti di bawah Bills of Exchange Act 1949 atas keingkaran D4 dan D5 untuk menjelaskan cek

sekuriti apabila dikemukakan untuk bayaran. Saya mendapati terdapat bukti yang dizahirkan dalam afidavit plaintif-plaintif bahawa cek sekuriti telah tidak dapat ditunaikan atau ditolak apabila dikemukakan kepada bank untuk penjelasan dengan catitan 'refer to drawer'.

[18] Saya merujuk kepada kes *Biasamas Sdn Bhd & Ors v Kan Yang Heng & Anor* [1998] 4 MLJ 1; [1998] 4 CLJ 754 yang memutuskan seperti berikut:

> strong arguable case' meant that the plaintif has a fair chance of obtaining judgment against the defendant. The plaintif need not satisfy the court that the plaintiff's case is so strong as to warrant summary judgment nor even a strong prima facie case to obtain a mareva order.

[19] Saya juga mendapati berdasarkan perjanjian yang dimasuki oleh kedua-dua pihak secara jelasnya defendan-defendan bertanggungan untuk menghantar serah FE 55 dan FE 52 melalui kontrak FE 55–1 yang kemudian dipinda kepada FE 55–2 serta adendum 1 dan 2 dan FE 52–1 serta adendum 1 yang mana lanjutan masa juga telahpun diberikan kepada defendan-defendan untuk memenuhi obligasi-obligasi mereka. Namun defendan-defendan tidak dapat membekalkan ketulan-ketulan bijih-bijih besi tersebut sepenuhnya dan sehingga tuntutan difailkan hanya membekalkan 9,100 tan metrik FE 52 sahaja.

[20] Berdasarkan representasi berkenaan keadaan stok di Kuantan yang kononnya stok tersebut boleh dibekalkan pada bila-bila masa, saya mendapati D1 telah membuat representasi yang tidak benar kerana berdasarkan fakta-fakta yang dibentangkan adalah menunjukkan D1 tidak mempunyai stok yang sedia ada. D1 melalui D2 hingga D5 perlu mendapatkan stok-stok tersebut daripada pihak ketiga. Plaintif-plaintif telahpun membuat pembayaran pendahuluan bagi FE 55 dan FE 52 masing-masing dan oleh itu plaintif berhak mendapat pembekalan seperti yang terkandung dalam representasi dan kontrak-kontrak yang telah ditandatangani.

[21] Saya berpendapat keterangan tersebut mencukupi untuk menunjukkan plaintif-plaintif mempunyai kes yang baik dan kukuh (*good and arguable case*) terhadap defendan-defendan.

(b) *Terdapat keterangan bahawa defendan mempunyai aset dalam bidang kuasa mahkamah*;

[22] Plaintif juga telah memohon supaya defendan-defendan mendedahkah kedudukan dan pemilikkan aset mereka kepada mahkamah dalam notis permohonan. Defendan-defendan pun telah kini melalui afidavit telah mengemukakan senarai aset mereka. Oleh itu perkara ini tidak menjadi isu lagi.

(c) *Sama ada plaintif telah menunjukkan bukti yang jelas bahawa defendan berkemungkinan melupuskan aset-asetnya sebelum penghakiman mahkamah*.

[23] Alasan selanjutnya ialah plaintif hendaklah menunjukkan bahawa terdapat risiko yang nyata bahawa defendan-defendan akan melenyapkan aset-aset mereka dan bukan semata-mata membuat jangkaan seperti dijelaskan dalam *Aspatra Sdn Bhd & 21 Ors v Bank Bumiputra Malaysia Bhd & Anor* [1988] 1 MLJ 97; [1987] CLJ (Rep) 50; [1987] 2 CLJ 377. Dalam kes *Pacific Centre Sdn Bhd v United Engineers (Malaysia) Bhd* [1984] 2 MLJ 143; [1984] 2 CLJ (Rep) 319 diputuskan bahawa adalah memadai bagi plaintif menunjukkan terdapatnya risiko pelupusan aset defendan-defendan untuk mengecewakan atau menafikan plaintif-plaintif untuk memperoleh hasil daripada penghakiman dan dalam menentukan sama ada terdapatnya risiko yang nyata bahawa aset akan dilenyapkan, mahkamah boleh melihat kepada tindak-tanduk defendan atau cara mana aset dipindahkan ke luar negara.

[24] *Berdasarkan S & F International Ltd v Trans Co Engineering Sdn Bhd* bahawa plaintif dikehendaki membawa bukti yang kukuh mengenai perbuatan defendan-defendan yang lalu yang tidak jujur (*lack of probity*) yang tidak boleh dipercayai atau struktur syarikat defendan juga tidak boleh dipercayai. Dalam kes ini D1 telah membuat representasi bahawa beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif JIRSB sedangkan entiti tersebut masih tidak diperbadankan untuk transaksi yang telah dimasukki oleh plaintif-plaintif dan defendan-defendan. Begitu juga dengan pernyataan bahawa beliau mempunyai stok yang tersedia bagi FE 55 adalah tidak benar. Cek-cek sekuriti untuk FE 55 dan FE 52 serta cek sekuriti baru yang dikeluarkan oleh D4 juga tidak boleh ditunaikan apabila dikemukakan untuk bayaran. D4 dan D5 pula masih menyimpan wang pendahuluan yang dibayar oleh plaintif-plaintif dan hanya 9,100 tan metrik yang dibekalkan berbanding dengan kontrak untuk membekalkan 30,000 tan metrik untuk FE 55 dan 25,000 tan metrik FE 52. D2 dan D3 adalah masing-masing pengarah-pengarah D4 dan D5 yang mempunyai kuasa mengawal D4 dan D5 dan menandatangani kontrak-kontrak FE 55–1, FE 55–2, FE 52–1, FE 52–2 dan adendum-adendumnya. Saya berpendapat perbuatan D1, D2, D3, D4 dan D5 adalah tidak jujur (*lack of probity*) dan dengan itu boleh memungkinkan mereka boleh melupuskan aset-aset mereka sebelum plaintif memperolehi penghakiman.

[25] Tuntutan plaintif adalah melibatkan sejumlah yang agak besar iaitu sebanyak RM4,340,124.80. Defendan-defendan boleh mengelak daripada membayar plaintif sekiranya plaintif memperolehi penghakiman dengan memindahkan aset-aset kepada pihak ketiga sebelum tuntutan plaintif diselesaikan. Bagi mengelakkan perkara ini injunksi mareva adalah diperlukan untuk mengekalkan status quo aset defendan-defendan.

[26] Berdasarkan kes *Tsoi Ping Kwan v Loh Lai Ngoh & Anor* [1997] 3 MLJ 165; [1997] 3 CLJ 552, sama ada keadilan menyokong perintah mareva atau penolakannya perlu juga dipertimbangkan. Saya berpendapat berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan di atas, keadilan adalah menyokong untuk membenarkan injunksi mareva kepada plaintif-plaintif.

[27] Atas sebab yang dinyatakan dan setelah mendengar hujahan pihak-pihak, saya berpendapat bahawa plaintif-plaintif telah memenuhi syarat-syarat untuk memperoleh perintah injunksi mareva ex parte dengan itu saya telah membenarkan permohonan plaintif- plaintif di lampiran 3 dengan kos di dalam kausa.

Permohonan lampiran 23 dan 27 (mengenepikan injunksi mareva ex parte)

[28] Defendan-defendan telah memfailkan permohonan (lampiran 23 dan 27) dan disokong oleh afidavit-afidavit untuk mengenepikan perintah injunksi mareva ex parte dan menuntut ganti rugi ditaksirkan atas alasan perintah ex parte tersebut tidak patut diberikan kerana plaintif telah tidak mendedahkan fakta yang benar kepada mahkamah semasa permohonan dibuat. Permohonan D1 disokong oleh afidavit lampiran 12 difailkan pada 2 Mei 2014, lampiran 26 pada 19 Mei 2014 dan lampiran 28 pada 19 Mei 2014, lampiran 57 pada 12 Jun 2014 dan D2 sehingga D3 yang disokong oleh afidavit lampiran 13, 20, 21 dan 22. Selepas injunksi mareva ex parte diperintahkan, defendan boleh membawa keterangan peneutralan atau menyangkal keterangan prima facie yang dibentangkan oleh plaintif. Dalam kes *Pacific Centre Sdn Bhd v United Engineers (Malaysia) Bhd* [1984] 2 MLJ 143; [1984] 2 CLJ 319 (Rep), Edgar Joseph Jr HMT (beliau pada masa itu) menyatakan seperti berikut:

> The onus to establish a prima facie case for the grant of a mareva injunction is on the plaintiffs, and if the Court is so satisfied, it has to consider the evidence adduced by the defendants to see if the prima facie case has been neutralised or displaced.

[29] Oleh itu dalam dalam kes ini mahkamah ini hendaklah menimbangkan alasan-alasan yang dikemukakan oleh defendan-defendan dalam afidavit mereka dan melihat sama ada keterangan prima facie plaintif-plaintif telah dineutralkan atau disangkal. Sekiranya defendan-defendan berjaya berbuat demikian mahkamah ini boleh mengubah atau mengenepikan perintah ex parte yang telah diberikan. Sekiranya tempoh 21 hari telah tamat mahkamah masih boleh menimbangkan untuk menentukan sama ada perintah injunksi tersebut telah secara betul diberikan dan perihal ganti rugi yang diakibatkan oleh injunksi ex parte tersebut yang tidak sepatutnya diberikan (Hamid Mohamad HMR dalam *RIH Services (M) Sdn Bhd v Tanjung Tuan Hotel Sdn Bhd* [2002] 3 MLJ 1; [2002] 3 CLJ 83). Oleh itu plaintif mempunyai hak untuk memohon untuk mengenepikan injunksi ex parte walaupun dalam

keadaan di mana tempoh 21 hari telah tamat bagi tujuan untuk taksiran ganti rugi.

[30] Dalam kes di hadapan mahkamah ini permohonan untuk mengenepikan injunksi ex parte telah difailkan dalam tempoh 21 hari selepas perintah ex parte tetapi apabila didengar tempoh 21 hari telah berakhir. Walau bagaimanapun defendan boleh mendapat ganti rugi jika injunksi mareva ex parte tersebut diberi secara salah dan kerugian dapat dibuktikan berakibat daripada injunksi ex parte yang salah tersebut. Namun pada pendapat saya berdasarkan bukti-bukti yang telahpun dibincangkan di atas, mahkamah ini berpendapat injunksi mareva ex parte yang telah diberikan tidak diberi secara salah oleh itu defendan-defendan tidak berhak untuk mendapat apa-apa perintah mengenai ganti rugi.

[31] Berbalik kepada permohonan injunksi mareva yang kemudiannya didengar secara inter partes, dalam hujahannya peguam D1 menghujahkan bahawa plaintif-plaintif telah gagal mendedahkan fakta-fakta material semasa injunksi ex parte diperolehi iaitu:

(a) plaintif gagal memberi surat kredit kepada JIRS menyebabkan D2 gagal mendapatkan ketulan bijih besi dari pembekal;

(b) deposit digunakan untuk mendapat bekalan daripada pihak ketiga; dan

(c) defendan-defendan sedaya upaya untuk mendapatkan ketulan bijih tersebut daripada pembekal-pembekal atau pihak ketiga.

[32] Adalah undang-undang mantap bahawa perkara yang perlu didedahkan adalah yang material sahaja (*Kepong Industrial Park Sdn Bhd & Ors v Teoh Seng Aun & Ors* [1999] 5 MLJ 688; [1999] 4 CLJ 726). Saya berpendapat perkara yang dinyatakan oleh D1 tidak didedahkan oleh plaintif-plaintif, jika didedahkan sekalipun tidak memberi kesan kepada keputusan mahkamah ini untuk membenarkan injunksi mareva atas alasan berikut:

(a) plaintif telah mengemukakan surat kredit dalam afidavit melalui eks E dalam afidavit Ajay no 1 dan D1 mengakui surat kredit ini tidak boleh digunakan kerana JIRSB tidak diperbadankan. D1 juga mengakui JIRSB akhirnya tidak diperbadankan kerana tiada persetujuan di antara D2, D3 dan beliau. Tambahan pula kontrak FE 55–2 telah dimasuki menggantikan FE 55–1. Oleh itu isu surat kredit tidak relevan lagi dan termanya telah mengatasi terma dalam FE 55–1 yang berkaitan bayaran melalui surat kredit; dan

(b) berkaitan dengan cubaan D1 untuk mendapatkan bekalan daripada pihak ketiga Mount Mining Sdn Bhd (MUMSB) adalah pihak yang tidak dikenali oleh plaintif-plaintif dan tidak ada pengetahuan bahawa

deposit telah dibayar kepada pihak ketiga. Itu adalah merupakan perkiraan D1 dan pihak tersebut dan tidak ada kaitan dengan plaintif-plaintif.

[33] Dalam afidavit-afidavit D1 (lampiran 12 difailkan pada 2 Mei 2014, lampiran 26 pada 19 Mei 2014 dan lampiran 28 pada 19 Mei 2014, lampiran 57 pada 12 Jun 2014) untuk mengenepikan dan alasan-alasan lain yang dinyatakan di atas, mahkamah ini memutuskan bahawa injunksi mareva dibenarkan seperti yang dipohon di lampiran 3, permohonan di lampiran 23 dan lampiran 27 ditolak dan kos dalam kausa untuk ketiga-tiga lampiran.

Permohonan plaintif-plaintif dibenarkan dengan kos dalam kausa dan permohonan defendan-defendan ditolak dengan kos dalam kausa.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum